

KENYATAAN AKHBAR

STATUS KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2009/2010

1. Sukacita dimaklumkan bahawa status keputusan permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf boleh diperolehi melalui saluran hebahan seperti di **Lampiran 1**, mulai **1 Mei 2009 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari** .
2. Calon boleh mencetak surat tawaran melalui Laman Web seperti dalam **Lampiran 2 mulai 04 Mei 2009**. Pihak IPTA akan mengeluarkan surat tawaran rasmi kepada calon yang berjaya mulai **04 Mei 2009 (Selasa)**.
3. Mulai Sesi Akademik 2009/2010, semua calon yang berjaya wajib membuat **pengesahan setuju terima tawaran** dari IPTA **dalam tempoh 7 hari iaitu pada atau sebelum 10 Mei 2009**. Pengesahan penerimaan tawaran boleh dibuat melalui Laman Web IPTA seperti di **Lampiran 2**.
4. Tarikh pendaftaran pelajar baru ke IPTA bagi Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf adalah pada **28 Jun 2009**. Walau bagaimanapun pendaftaran pelajar ke **Program Asasi** akan dimaklumkan oleh IPTA berkenaan melalui surat tawaran.

5. Kementerian Pengajian Tinggi bersetuju melaksanakan dasar **tawaran terbuka (*double offer*)** dengan pelbagai institusi dan agensi penaja yang menawarkan program bagi Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf. Justeru ramai **calon cemerlang SPM 2008 akan menerima lebih dari satu tawaran**. Pemohon yang berjaya perlu membuat keputusan yang bijak dan tepat serta mendaftar ke program yang dipilih mengikut jadual yang ditetapkan. Bagi pemohon yang tidak berjaya ke IPTA tetapi menerima tawaran ke institusi lain dinasihatkan mendaftar ke program berkaitan kerana tawaran tempat ke IPTA adalah terhad.

6. Hanya calon gagal menerima sebarang tawaran ke IPTA dibenarkan mengemukakan rayuan melalui Aplikasi e-Rayuan ke BPKP JPT dalam tempoh 10 hari bekerja selepas keputusan rasmi permohonan kemasukan ke IPTA diumumkan melalui URL <http://upu.mohe.gov.my>. Tarikh tutup permohonan e-Rayuan ialah pada **15 Mei 2009**.

7. Prosedur mengemukakan e-Rayuan ke BPKP JPT adalah seperti di **Lampiran 3 . Dasar Pemilihan Kes Rayuan adalah untuk mengisi kekosongan tempat yang berlaku mengikut program pengajian dan IPTA selepas pendaftaran pelajar baru.**

8. Keputusan rayuan akan dimaklumkan pada minggu ketiga Julai 2009. Jika tiada sebarang tawaran diterima dari IPTA sehingga **31 Julai 2009** maka rayuan mereka dianggap gagal.
9. Kemudahan "*Hotline*" dan "*Helpline*" disediakan untuk membantu menjawab sebarang kemusykilan calon. Calon boleh menghubungi Talian Telefon: **03-88835858 dan 03-88835848** untuk bantuan.

**Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

30 April 2009

LAMPIRAN 1

HEBAHAN STATUS KEPUTUSAN

BIL	SALURAN HEBAHAN	NO. TELEFON / LAMAN WEB
1.	Helpline	03-88835848
2.	Hotline (10 talian)	03-88835858
3.	Laman Web	http://upu.mohe.gov.my http://www.jpt.utm.my http://jpt.uum.edu.my
5.	Sistem Pesanan Ringkas(SMS) (Short Messaging Service) <ul style="list-style-type: none">• Untuk Semua Talian Telefon Bimbit	Sila taip: UPU RESULT [No. KP] dan SMS ke: 15888

LAMPIRAN 2

URL IPTA UNTUK SURAT TAWARAN

BIL	IPTA	URL Surat Tawaran
1	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	http://www.upsi.edu.my/tawaran
2	Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM)	http://webapp.uthm.edu.my/tawaran
3	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	http://www.utm.edu.my/tawaran
4	Universiti Darul Iman (UDM)	http://www.udm.edu.my/tawaran
5	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	http://istudent.uitm.edu.my/intake
6	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	http://www.utm.edu.my/tawaran.php
7	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	http://www.ump.edu.my/tawaran
8	Universiti Malaya (UM)	http://www.um.edu.my/kemasukan
9	Universiti Putra Malaysia (UPM)	http://www.esmp.upm.edu.my/tawaran
10	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	http://www.usim.edu.my/tawaran
11	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	http://www.unimap.edu.my/tawaran
12	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	http://www.jpt.utm.my
13	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	http://www.iiu.edu.my/tawaran.html
14	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	http://data.upnm.edu.my/tawaran

PROSEDUR MENGEMUKAKAN e-RAYUAN

LANGKAH 1

NO. KAD PENGENALAN/MYKAD

(Calon masukkan No. Kad Pengenalan/My Kad yang digunakan semasa mengemukakan permohonan)

LANGKAH 2

Pilihan 1 & Pilihan 2

(Calon boleh mengemukakan 2 pilihan program pengajian sahaja. Calon tidak dibenarkan memilih program pengajian yang ada temu duga)

LANGKAH 3

Sah & Hantar

(Calon boleh mengemukakan 1 kali permohonan dan 3 kali pengemaskinian sehingga tarikh tutup permohonan)

***** DASAR PEMILIHAN RAYUAN ADALAH UNTUK MENGISI KEKOSONGAN TEMPAT YANG BERLAKU MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN DAN IPTA SELEPAS PENDAFTARAN PELAJAR BARU KE IPTA.**